

24/10/2000

Hanya Putrajaya jadi Wilayah Persekutuan

BANTING, Isnin - Bandar bestari Cyberjaya, tidak termasuk dalam cadangan menjadikan Putrajaya sebagai sebuah Wilayah Persekutuan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia cuma Putrajaya, bukan Cyberjaya. Cyberjaya tak terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Megasteel Sdn Bhd, kilang besi keluli jalur panas pertama di Malaysia berharga RM2.5 billion, di sini hari ini.

Ditanya bila Wilayah Persekutuan Putrajaya dilaksanakan, Perdana Menteri berkata ia masih menunggu kelulusan kerajaan Selangor.

"Kita kena tunggualah, ia (Selangor) setuju atau tidak. Jika tak setuju...bagi balikkah," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohamed Khir Toyo, berkata satu mesyuarat Exco kerajaan negeri akan diadakan pada 7 November ini khusus untuk membincangkan cadangan menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan perkara itu akan dijadikan isu oleh pembangkang, Dr Mahathir berkata, bagi pembangkang apa juga perkara boleh dijadikan isu.

"Kalau kita bagi dia duit satu juta pun, dia (pembangkang) kata 'tengoklah ni bagi satu juta saja... patut dua juta.' Pembangkang tidak pernah berterima kasih. Kita bagi apa pun, dia kritik juga. Semua jadi isu," katanya.

Mengenai kemungkinan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) tertentu seperti Dengkil akan hilang apabila Putrajaya dijadikan Wilayah Persekutuan, Dr Mahathir berkata: "Kita boleh adakan kawasan Dewan Undangan Negeri lain, macam Kuala Lumpur."

Kawasan pentadbiran Putrajaya seluas 48,000 hektar meliputi kira-kira 20 peratus kawasan DUN Dengkil. Apabila Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974, lima kerusi DUN Selangor, secara automatik tidak wujud lagi.

Cadangan menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Khamis lalu.

Putrajaya kini adalah pusat pentadbiran baru Persekutuan yang menempatkan hampir semua kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri. Ia akan dibangunkan secara berperingkat di kawasan seluas 48,000 hektar.

Dr Mahathir juga turut ditanya mengenai cadangan kajian semula Akta Kesihatan Mental 1952 berikutan beberapa kejadian jenayah yang membabitkan pesakit mental sejak kebelakangan ini.

Beliau berkata, kerajaan memang berhasrat untuk mewujudkan satu akta baru membabitkan isu kesihatan mental.

Katanya, rang undang-undang berkenaan akan dibentangkan di Dewan Rakyat apabila siap nanti.

(END)